

DATE: 5/10/2010

Perkasa macam kenyataan, NGO Melayu tersinggung

# Azmin bukan aset perjuangan rakyat

Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 4 Okt. – Calon Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Azmin Ali disifatkan sudah 'hilang akal' apabila menuduh Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) memperjuangkan perkauman sempit.

Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali menegaskan, Perkasa bukan pertubuhan rasis atau perkauman kerana ia mempertahankan asas kekuatan negara yang tidak terkeluar daripada keluhuran Perlembagaan Persekutuan.

Menurut beliau, perjuangan Perkasa juga berdasarkan kepada kontrak sosial yang sudah dipersetujui semua kaum sebelum ini demi ke-



IBRAHIM ALI



MOHD. HILMI



AZMIN ALI

amanan dan kesejahteraan negara.

"Apabila Azmin membuat tohmahan bahawa perjuangan Perkasa yang membela Melayu dan Islam sebagai sempit, ia membuktikan bahawa dia hilang akal. Dia hanya hulubalang

Anwar (Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan bukannya aset kepada perjuangan rakyat.

"Keputusan dan kemampuan politiknya hanya untuk menjual bangsa demi mendapat undi dan soko-

ngan kaum Cina dan India. Saya percaya selepas ini mereka akan sedar belangnya yang sebenar," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Azmin semalam yang berikrar akan melawan habis-habisan Perkasa dan individu yang berselindung di sebalik pertubuhan itu kerana memperjuangkan perkauman sempit.

Sementara itu Presiden Gagasan Melayu Perak (GMP), Datuk Seri Mohd. Hilmi Ismail amat kecewa dan tersinggung dengan kenyataan Azmin itu dan yakin perasaan itu dikongsi bersama oleh beratus lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berteraskan Melayu di negara ini.

Tegas beliau, NGO Melayu di negara ini langsung tidak mengharap

dan memerlukan sokongan PKR atau parti politik lain untuk menggerakkan agenda masing-masing.

"Punca utama NGO muncul seperti cendawan selepas hujan selepas Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-12 lalu adalah kerana mereka hilang keyakinan terhadap peranan parti-parti politik membela nasib Islam dan Melayu.

"Jika kita harap kepada UMNO atau PKR, sudah tentu kami (NGO) tidak akan wujud dengan banyaknya. Mengapa semasa era bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad NGO Melayu tidak begitu banyak? Jawapannya adalah kerana beliau dan kerajaan menjaga kepentingan agama dan bangsa," katanya.

Katanya, PKR tidak boleh meman-

dang rendah kekuatan NGO kerana pada pilihan raya umum akan datang tidak mustahil ahli-ahlinya akan menjadi salah satu penentu kepada kekalahan dan kemenangan mana-mana calon.

Mohd. Hilmi juga menyangkal tohmahan Azmin bahawa Dr. Mahathir turut memperjuangkan perkauman sempit kerana berselindung di sebalik Perkasa.

"Dr. Mahathir tidak salah dan rasis, malah sejak dahulu lagi beliau konsisten mempertahankan kepentingan Melayu dan kaum lain di negara ini.

"Jasa beliau kepada negara ini serta semua kaum terlalu besar dan langsung tidak terjangkau oleh Azmin, bezanya seperti langit dan bumi," katanya.